

U B283 BAH
MAHATHIR - MAHIR

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA MEMERLUKAN LEBIH RAMAI PEKERJA MAHIR BERKOLAR BIRU SERTA LULUSAN BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI MEMBANTU MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN YANG MAJU, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PELAJAR SERTA IBUBAPA MEMILIH BIDANG-BIDANG LATIHAN, BAIK YANG BERBENTUK AKADEMIK ATAU KEMAHIRAN, YANG SESUAI DENGAN DAN BOLEH MEMBANTU PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA.

WALAUPIUN BIDANG-BIDANG LATIHAN ATAU PENDIDIKAN YANG SESUAI DENGAN PROSES PERINDUSTRIAN INI TIDAK BEGITU MUDAH UNTUK DIPELAJARI BERBANDING DENGAN BIDANG LAIN SEPERTI SASTERA, TETAPI IA DAPAT MENJAMIN PEKERJAAN, JELAS PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PENUTUP PERTANDINGAN KEMAHIRAN KETUKANGAN KEBANGSAAN DI SINI.

KATANYA, KINI NEGARA AGAK KEKURANGAN TENAGA YANG TERLATIH DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MISALANNYA, NEGARA KINI KEKURANGAN SEBANYAK 11,000 JURUTERA KIMIA. -- LAGI.

1910MST 05 06 90

U B285 BAH
MAHATHIR - MAHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENASIHATI MAJIKAN SUPAYA MENGUBAH SIKAP SERTA PANDANGAN MEREKA TERHADAP PARA PEKERJA BERKOLAR BIRU SERTA MEMBERIKAN LAYANAN YANG LEBIH BAIK KEPADA MEREKA YANG SELAMA INI DIANGGAP SEBAGAI MEMPUNYAI NILAI YANG AGAK RENDAH.

+KITA BERHARAP PIHAK SWASTA DAPAT MEMBERIKAN PENILAIAN YANG BARU KEPADA PEKERJA-PEKERJA BERKOLAR BIRU INI,+ UJARNYA.

BELIAU BERKATA, GOLONGAN PEKERJA DI MALAYSIA KINI TERBUKTI MAMPU MENGELUARKAN APA SAHAJA BARANGAN JIKA DIBERIKAN BIMBINGAN YANG SEWAJARNYA DARIPADA SEMUA PIHAK YANG BERKENAAN.

KATANYA, APA YANG DIPERLUKAN OLEH PEKERJA MAHIR DI NEGARA INI IALAH SIKAP TABAH, BERDISIPLIN SERTA KEMAMPUAN UNTUK MEMBENDUNG DORONGAN-DORONGAN YANG NEGATIF.

TAMBAHNYA, SATU DARIPADA SEBAB MENGAPA KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA SELATAN YANG MUNDUR KEKAL MUNDUR KERANA RAKYATNYA TIDAK MEMPUNYAI KECEKAPAN ATAU KEMAHIRAN DAN TAK SANGGUP BELAJAR.

PADA MAJLIS ITU PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA 34 PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN DARI SELURUH NEGARA YANG MEMENANGI PERTANDINGAN ITU DALAM PELBAGAI KATEGORI KETUKANGAN. -- BERNAMA.
1912MST 05 06 90